

SATU ANALISIS KUALITATIF TERHADAP FAKTOR PENDORONG PEMBAYARAN ZAKAT OLEH SYARIKAT

Adibah Abdul Wahab*

*Ketua Divisyen Dakwah dan Syariah, Lembaga Zakat Selangor, Presint Alami, Pusat Perniagaan Worlwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. adibah@zakatselangor.com.my*

Abstract

This research is conducted to investigate factors that influenced zakat payment among companies or business entities. The study is based on qualitative analysis conducted on decision makers at 14 companies. This research uses semi structured interview format and use thematic technique for data analysis. The result shows that, efforts done by zakat institutions, actions taken by government and internal initiatives are the three main factors. Excellent customer service, efficient disbursement and good governance are the three main component for zakat institutions. Tax rebate, tax deductions, fatwa rulings and enforcement are the elements for governments' role that can affect zakat payment. However internal motivation factors are the most dominant. It consists of three elements i.e. Board Directors understanding, Muslim Board Directors composition and company financial status. Above all, Board Directors understanding is the most crucial. Therefore, marketing effort should be focusing on decision makers of the companies through understanding their behavior. This study contributes to the theory and gives insight on factors affecting zakat payment by business entity.

Keywords: Qualitative analysis, factors, zakat, companies, business entities

PENGENALAN

Zakat adalah satu rukun yang bercorak sosio ekonomi dari lima rukun Islam. Dengan menunaikan zakat, seseorang yang mengucap dua kalimah syahadah dan menunaikan solat, maka dia layak dan diperakui keIslamannya dan dikategorikan sebagai umat Islam yang sebenar sebagaimana firman Allah SWT:

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ ۗ وَنُفِصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

* Corresponding author

Terjemahan: Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan solat serta menunaikan zakat maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama dan kami menjelaskan ayat-ayat keterangan kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (At-Taubah 9:11)

Menurut M.A. Manan (1983) zakat boleh berperanan dalam mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan kekayaan, memangkinkan aktiviti pengagihan semula kekayaan secara berperingkat dan membantu membendung kecenderungan inflasi. Zakat juga dapat membantu ekonomi bagi menyeimbangkan masalah peningkatan nilai wang, ketidakseimbangan harga barangan, ketinggian kadar kitaran mata wang, peningkatan inflasi dan ketidakseimbangan agihan kekayaan. Kerana itulah Islam meletakkan zakat sebagai pusat tumpu dalam polisi fiskal Islam dan operasi pelaksanaannya (Mohammad Yusof, 2006). Justeru itu, pengurusan zakat perlu ditadbir seiring dengan kemajuan teknologi untuk meningkatkan potensi kutipan.

Bagi meningkatkan lagi kutipan zakat, segmen syarikat atau entiti perniagaan perlu digarap dengan lebih baik. Gelagat pembuat keputusan yang terlibat dalam entiti perniagaan perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor yang mendorong kepada kepatuhan pembayaran zakat. Gelagat dan faktor sebenar yang mendorong pembayaran zakat perniagaan perlu diketahui dalam usaha memaksimumkan potensi kutipan zakat. Kajian ini memilih syarikat tersenarai awam (PLC) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai subjek kajian. Hasil daripada kajian terhadap literatur banyak penyelidikan memberi fokus berkaitan faktor pembayaran zakat oleh individu berbanding kajian yang mengkaji gelagat syarikat atau entiti perniagaan. Oleh itu kajian mengenai faktor pembayaran zakat di kalangan entiti perniagaan amat diperlukan bagi membantu usaha memaksimumkan potensi kutipan zakat. Zakat perlu diuruskan secara dinamik supaya dapat disesuaikan dengan evolusi perubahan dan kemajuan tamadun manusia. Dapatan kajian ini adalah input dari lapangan yang terkini yang boleh memberikan idea dan penyelesaian alternatif kepada pihak kerajaan dan penggubal polisi dalam menilai semula insentif yang kepada syarikat Muslim bagi meringankan beban mereka yang menunaikan zakat. Oleh itu kajian ini memilih segmen syarikat tersenarai awam (PLC) yang telah membayar zakat sebagai objek kajian.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan kepada pelbagai literatur tentang teori kepatuhan zakat pelbagai teori digunakan mengikut reka bentuk kajian masing-masing. Banyak kajian menggunakan asas psikologi mengambil Teori Gelagat Terancang (Theory of Planned Behaviour-TPB) (Icek

Ajzen, 2005) sebagai asas kajian faktor pembayaran zakat (Kamil Md. Idris, 2002; A. Radzuan Ghazali, 2009; N. Adilah A. Shokori, 2011; Zainol Bidin & Kamil Md. Idris, 2009 dan R.A. Jefri Saad, 2010). Pendekatan lain adalah kajian yang menggunakan asas pandangan Islam (M. Ali M. Nor et al., 2004) dan tiga kajian lain menggunakan asas rasional prinsip zakat sebagai satu tuntutan ibadah (Sanep Ahmad et al, 2011; M. Rahim Kamis et al., 2011; Sanep Ahmad & Zulkifli (2010). Selain itu, pendekatan lain yang digunakan dalam membuat kajian mengenai kepatuhan zakat adalah dengan membuat perbandingan di antara gelagat kepatuhan zakat dan cukai. Mereka mengambil kira teori kepatuhan cukai dan disesuaikan dengan kepatuhan zakat (Kamil Md. Idris, 2009; Sanep Ahmad & Zulkifli, 2010). Hasil kajian literatur oleh Kamil Md Idris mendapati antara faktor yang mempengaruhi kepatuhan cukai adalah demografi iaitu umur (ketua isi rumah yang berumur melebihi 65 tahun lebih patuh), jantina (wanita lebih patuh), tahap pendapatan (golongan berpendapatan tinggi lebih patuh) dan beban tanggungan (golongan yang kurang beban tanggungan kewangan lebih patuh).

Selain itu, hasil kajian literatur mendapati topik mengenai zakat menarik ramai penyelidik dan kajian yang dibuat mengenai zakat adalah pelbagai, sama ada dalam konteks peranan zakat terhadap ekonomi mikro dan ekonomi makro (Pranam Dhar, 2013; Mohammad b. Yusof, 2006), peranan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan (Patmawati Ibrahim, 2006) sumbangan zakat terhadap pendidikan (Norfariza M. Radzi et al., 2012), zakat dan perundangan (Siti Mashitoh Mahmud, 2007), transformasi pengurusan zakat (A. Shahir Makhtar et al., 2016), akauntabiliti dalam pengurusan zakat (A. Halim M. Noor et al., 2012; R. A. Jaffri Saad; 2014), kepatuhan syarikat membayar zakat (Halizah M. Arif et al., 2011; M. Rizuan A. Kadir et al., 2014) dan pelbagai skop lagi. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat terhadap kajian-kajian lalu gelagat kepatuhan zakat masih sangat minimum dan kajian terkini dan kontemporari terhadap zakat perniagaan sentiasa diperlukan. Ini merupakan satu jurang penyelidikan yang perlu ditangani dan kajian ini memilih segmen PLC sebagai fokus kajian.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian Kualitatif ini dibuat dalam bentuk temu bual bersama responden yang berautoriti untuk mewakili syarikat bagi mendapat maklumat sebenar tentang pengalaman membayar zakat dan berkongsi pandangan tentang faktor yang mendorong pembuat keputusan di dalam syarikat membuat keputusan untuk membayar zakat. Populasi kajian ini adalah PLC yang membayar zakat dan melalui semakan data sekunder sebanyak 17 buah PLC telah dikenal pasti membayar zakat secara formal bagi tempoh 2009-2014 sebagaimana di lampiran. Pada

peringkat pemilihan syarikat, kajian ini menggunakan teknik bancian di mana semua syarikat yang membayar zakat termasuk di dalam kerangka pensampelan. Bagi peringkat pemilihan responden kajian ini menggunakan kaedah persampelan pertimbangan (judgemental).

Kajian kualitatif ini dibuat berbentuk Phenomenology iaitu memahami pengalaman seseorang dalam satu-satu keadaan dari perspektif masing-masing. (Johnson, Burke & Christensen, Larry, 2008) Ia melibatkan proses mendapatkan perspektif atau pandangan pembuat keputusan di dalam PLC yang membayar zakat tentang pengalaman syarikat yang mereka wakili dalam membayar zakat khusus kepada faktor yang mendorong mereka untuk mencapai keputusan membayar zakat. Walaupun setiap individu adalah unik dan mempunyai perspektif masing-masing, namun perspektif setiap seorang itu mempunyai ciri lazim yang boleh dikenal pasti (Higgins. E. Tory, 2000). Ciri lazim ini dipanggil “essence” atau struktur yang tidak berbeza (Johnson, Burke & Christensen, Larry, 2008). Ini merupakan ciri penting dalam memahami sesuatu fenomena. Dengan itu kesamaan atau perbezaan yang wujud di antara responden akan dirumuskan menjadi hasil kajian.

Soalan untuk tujuan temu bual dibangunkan melalui kerangka konseptual kajian yang mengandungi enam komponen utama dan soalan terbuka yang diselaraskan (standardized open ended interview). Draf soalan dikemukakan pakar rujuk (2 ahli akademik dan 2 pengamal di dalam bidang zakat). Kajian rintis turut dibuat bagi memastikan soalan yang dibuat boleh disandari sebagai instrumen kajian.

ANALISIS KAJIAN DAN DISKUSI

Analisis dibuat dengan mengenal pasti dan menganalisis kandungan temu bual menggunakan teknik Analisis Tema (Thematic Analysis) dengan melihat perbezaan atau kesamaan pandangan dan pengalaman responden dalam konteks membuat keputusan untuk membayar zakat. Kesamaan dan perbezaan ini dikategorikan dan dirumus menjadi hasil penemuan kajian. Kajian ini menilai pandangan responden dalam konteks enam tema iaitu (a) status penerima terhadap kewajipan membayar zakat, (b) kesan terhadap gerak kerja institusi zakat, (c) kesan terhadap usaha yang dibuat oleh kerajaan, (d) kesan dorongan dalaman syarikat dan (e) tahap kesediaan untuk membayar zakat. Kesemua 14 syarikat dikenali melalui nombor rujukan dan tidak menggunakan nama sebenar syarikat. Nombor rujukan yang diberikan kepada syarikat 1 adalah S1 sehingga kepada syarikat 14 yang dikenali dengan nama S14.

Analisis dibuat tanpa mengetahui identiti sebenar syarikat bagi menjamin kerahsiaan maklumat yang diperolehi sebagaimana yang telah dipersetujui bersama.

ANALISIS PENERIMAAN KEWAJIPAN SYARIKAT MENUNAIKAN ZAKAT

Salah satu isu utama kajian ini adalah melihat penerimaan responden terhadap status kewajipan pembayaran zakat oleh syarikat. Hasil ini adalah penting bagi mengetahui tahap kesediaan mereka yang mengendalikan pembayaran zakat oleh syarikat melihat keperluan ini. Hasil temu bual mendapati 13 syarikat (93%) daripada 14 syarikat, menerima kewajipan syarikat untuk membayar zakat sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 1. Penemuan ini menunjukkan bahawa walaupun sesebuah syarikat itu telah membayar zakat, namun tidak semua berpandangan bahawa entiti perniagaan diwajibkan untuk membayar zakat.

Jadual 1: Penerimaan Kewajipan Berzakat ke atas Syarikat

	Menerima	Tidak Menerima	Jumlah
Bilangan syarikat	13	1	14
Peratusan	93%	7%	100%

Responden turut menjelaskan pelbagai sebab penerimaan kewajipan berzakat iaitu kerana wujud fatwa khas mengenai syarikat mereka wajib membayar zakat (S1), kerana diberi penerangan oleh institusi zakat (S3, S5, S9, S10, S11 dan S14) dan kerana kesedaran syarikat bahawa entiti perniagaan dikenakan zakat (S4 dan S7), kerana pembayaran zakat sejak wujud dalam dokumen penubuhan syarikat (S6) dan kerana merasakan pembayaran zakat adalah sebagai amanah yang perlu ditunaikan oleh pihak pengurusan kepada pemegang muslim / bumiputra juga amanah kepada kakitangan (S8, S12 dan S13). Manakala bagi jurucakap syarikat yang berpandangan sebaliknya beliau mengatakan bahawa, “Zakat sepatutnya hanya dikenakan kepada individu dan tidak syarikat. Saya menerima keputusan membayar zakat ini sebagai keputusan secara kolektif oleh ahli lembaga pengarah syarikat dan pemegang saham terbesar syarikat ini”. Hasil kajian mendapati bahawa tidak semua pembuat keputusan memahami status kewajipan oleh syarikat untuk membayar zakat walaupun syarikat berkenaan telah membayar zakat

ANALISIS KESAN PERANAN INSTITUSI ZAKAT

Kajian seterusnya melihat secara khusus mengenai kesan Peranan Institusi Zakat dan elemen yang wujud di dalamnya iaitu perkhidmatan, pemasaran, agihan dan urus tadbir. Majoriti syarikat iaitu 10 syarikat (71%) menyatakan bahawa institusi zakat mendorong mereka membuat pembayaran zakat manakala 4 syarikat lagi (28%) mengatakan tidak mendorong. 10 syarikat memaklumkan institusi zakat banyak membantu mereka menunaikan zakat bemula daripada memberi penerangan tentang kewajipan dan pengiraan zakat, mengadakan seminar / bengkel pengiraan zakat perniagaan, memberi kemahiran kepada kakitangan syarikat untuk mengira sendiri zakat syarikat, membuat pengiraan zakat dan menyemak pengiraan zakat oleh syarikat. memberikan perkhidmatan secara personal kepada syarikat, kerap memberikan cenderahati dan institusi zakat memberikan lain-lain khidmat rundingan.

Perkhidmatan yang sangat mendapat perhatian syarikat adalah pemulangan semula sebahagian wang zakat kepada syarikat untuk diagihkan sendiri oleh syarikat kerana “syarikat mempunyai tambahan dana untuk program kemasyarakatan dan membantu golongan yang memerlukan bantuan”. Terdapat 4 syarikat yang mendapati institusi zakat tidak mendorong pembayaran zakat mereka. Mereka menguruskan pembayaran zakat mereka atas inisiatif mereka sepenuhnya. Malah ada syarikat yang tidak berurusan langsung dengan institusi zakat dan mereka mengatur pembayaran zakat dengan Majlis Agama Islam negeri-negeri.

10 responden memberi kepercayaan kepada institusi zakat dan pihak berwajib dalam memastikan urus tadbir masing-masing di mana mereka menyerahkan sepenuhnya aktiviti dan pelaksanaan urus tadbir kepada institusi zakat, syarikat menghormati bidang kuasa negeri-negeri, syarikat percaya institusi zakat ada kaedah masing-masing dalam memikul amanah, syarikat serah tugas kepada institusi zakat. Manakala sebanyak 4 syarikat prihatin terhadap aktiviti agihan oleh institusi zakat. Mereka juga menghargai risalah dan maklumat-maklumat mengenai agihan. Mereka juga berharap agar keberkesanan agihan perlu dipastikan.

ANALISIS KESAN TINDAKAN KERAJAAN

Kajian seterusnya melihat secara khusus mengenai kesan Tindakan Kerajaan dan elemen yang wujud di dalamnya iaitu rebat, insentif cukai, galakan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Bursa Malaysia, Fatwa dan Penguatkuasaan. Majoriti syarikat iaitu 10 syarikat (70%) menyatakan bahawa tindakan kerajaan amat mendorong mereka membuat pembayaran zakat manakala 1 syarikat lagi (7%) mengatakan agak mendorong. Terdapat 3 syarikat (21%) yang mengatakan tindakan kerajaan tidak begitu mendorong. Majoriti (10 syarikat) berpandangan

rebat cukai perniagaan yang diberikan ke atas pembayaran zakat amat mendorong pembayaran zakat kerana ia merupakan satu bonus kepada syarikat yang membayar zakat yang kini terpaksa membayar dua cukai. Bagi tolakan cukai ia memberi manfaat dan menarik minat untuk membayar zakat. Tolakan cukai juga dapat meringankan beban pembayaran cukai dan ia menjadi justifikasi di dalam kertas cadangan pembayaran zakat. Ia menjadi nilai tambah walaupun amat minima. Namun begitu, terdapat 2 syarikat berpandangan sebaliknya di mana syarikat tetap konsisten membayar zakat walau tiada apa-apa insentif cukai. Manakala 1 syarikat mendapati jumlah tolakan yang sedia ada tidak memberi impak langsung kerana jumlahnya sangat kecil. Bagi 3 syarikat lain, mereka akan terus membayar zakat walau tiada sebarang insentif daripada kerajaan.

Peranan Fatwa terhadap mendorong pembayaran zakat adalah dipersetujui oleh 10 syarikat. Malah ia merupakan faktor utama kepada 3 syarikat. Namun begitu, 2 syarikat mendapati “banyak syarikat yang tidak mengetahui tentang fatwa pembayaran zakat syarikat walaupun syarikat tersebut telah membayar zakat”. Bagi 4 syarikat lain mereka akan terus membayar zakat walau tiada fatwa khas mengenainya juga tanpa sebarang insentif daripada kerajaan. Bagi faktor galakan dari Bursa dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, syarikat berbeza pandangan di mana 8 syarikat merasakan galakan ini memberikan impak kerana sebagai PLC kerana mereka perlu membina reputasi yang baik dengan penguasa dan galakan menjalankan aktiviti CSR adalah berjaya, Mereka juga berpendapat Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sepatutnya menjuarai usaha ke arah mendapat rebat cukai atau insentif yang lebih baik kepada pembayar zakat dan bukan setakat memberi galakan.

Bagi faktor penguatkuasaan, 6 syarikat mendapati ianya adalah tidak mendorong kerana mereka kini membayar secara sukarela. Penguatkuasaan boleh memberi kesan negatif kerana syarikat tidak menjalankan ibadah dalam suasana harmoni seperti sekarang. Bagi 8 syarikat lain mereka mendapati penguatkuasaan dapat mendorong malah syarikat yang tidak membayar sepatutnya dikenakan denda dan dipantau seupama pembayaran cukai.

ANALISIS KESAN KESEDARAN DALAMAN

Kajian seterusnya melihat secara khusus mengenai faktor dorongan dalaman dan elemen yang wujud di dalamnya iaitu kefahaman ahli lembaga pengarah, komposisi dan pemilikan muslim dan prestasi kewangan. Semua faktor lain sebelum ini wujud percanggahan pendapat tentang kesan faktor tersebut ke atas pembayaran zakat tetapi tidak bagi faktor dorongan dalaman. Semua 14 responden (100%) mendapati faktor dorongan dalaman mempengaruhi

pembayaran zakat dan komponen paling utama adalah kefahaman ahli lembaga pengarah juga juga menjadi pilihan semua. 10 daripada wakil syarikat mengatakan ia merupakan satu kemestian dan faktor utama. Manakala dari segi kesan komposisi ahli lembaga pengarah muslim dalam mendorong pembayaran zakat, hasil kajian mendapati 11 syarikat menyatakan ianya adalah mendorong pembayaran zakat manakala 3 syarikat adalah sebaliknya. 4 responden menyatakan komposisi majoriti ahli lembaga pengarah muslim adalah amat penting. Seorang responden berpendapat faktor ini akan memudahkan keputusan untuk membuat pembayaran zakat dan satu pandangan lagi menyatakan bahawa faktor ini merupakan satu kelebihan untuk membuat keputusan menunaikan zakat. Namun begitu, kefahaman zakat tetap perlu diberikan juga kepada ALP yang bukan Islam. 3 responden menyatakan komposisi muslim tidak menjamin kerana apa yang penting adalah kefahaman dalam kalangan ALP dan 1 syarikat mengatakan komposisi muslim tidak diperlukan kerana pembayaran zakat telah menjadi polisi syarikat.

Kedudukan kewangan adalah salah satu lagi aspek yang dikaji. 10 daripada syarikat mengatakan kedudukan kewangan adalah mendorong dengan 6 daripadanya mengatakan sangat penting. 1 syarikat mendapati prestasi kewangan tidak mempengaruhi kerana syarikat telah ada polisi khas dan manakala bagi 1 syarikat mengatakan mereka akan tetap membayar zakat walau dalam keadaan rugi. Bagi 2 syarikat, pembayaran adalah berdasarkan kepada kedudukan aset dan bukan atas prestasi keuntungan. Kajian ini turut menyelidik kewujudan polisi membayar zakat oleh syarikat. Terdapat 3 kategori polisi iaitu polisi bertulis, amalan dan kelulusan dari semasa ke semasa. 6 syarikat mempunyai polisi bertulis. Polisi yang dibuat adalah dalam bentuk pelbagai iaitu fatwa atau dalam dokumen penubuhan. Apabila telah ada polisi, kelulusan pembayaran zakat adalah di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pegawai Kewangan. Bagi 3 syarikat lagi, tiada polisi bertulis tetapi dalam bentuk amalan lazim. Bagi 5 syarikat lagi pembayaran zakat memerlukan kelulusan ALP dari semasa ke semasa. Ketiadaan polisi menjadikan kelulusan membayar zakat dibuat dari semasa ke semasa dan ini mengundang risiko yang boleh menjejaskan kutipan zakat. Mewujudkan polisi membayar zakat dapat membantu mendorong pembayaran zakat yang konsisten setiap tahun.

ANALISIS KESEDIAAN MEMBUAT KEPUTUSAN MEMBAYAR ZAKAT

Kajian ini turut menyelidiki tahap kesediaan pembuat untuk membuat keputusan membayar zakat. 12 syarikat mengatakan mereka yang berada di tahap yang sangat sedia membayar zakat dan akan memastikan syarikat konsisten untuk membayar zakat, terdapat seorang responden yang berada di tahap bersedia untuk membayar zakat.

- S2: Saya sentiasa memberikan keutamaan kepada pembayaran zakat atas syarikat. Zakat adalah kewajipan dan tiada sebarang persoalan lagi.
- S3: Saya sangat menyokong syarikat ini membuat pembayaran zakat.
- S4: Zakat adalah perkara asas (*fundamental*) kepada syarikat ini. Tiada istilah saya perlu memastikan syarikat ini membayar zakat.
- S5: Saya lebih daripada bersedia dalam menyokong usaha syarikat ini untuk terus membayar zakat.
- S6: Saya sentiasa membuat persediaan awal untuk syarikat membayar zakat. Saya bangga syarikat ini membayar zakat dan berasa gembira apabila para pembayar mendoakan kemajuan syarikat ini dalam sesi pembayaran zakat yang saya hadiri.
- S7: Saya sentiasa akan memastikan (atas kapasiti jawatan saya) syarikat ini akan meneruskan pembayaran zakat.
- S8: Saya berasa lebih dari bersedia untuk menguruskan pembayaran zakat syarikat ini atas rasa tanggungjawab.
- S9: Lembaga Pengarah syarikat di dalam mesyuarat telah meluluskan pembayaran zakat oleh syarikat. Lembaga Pengarah turut meluluskan pembayaran zakat pada masa hadapan dan telah memberi kuasa kepada pihak pengurusan syarikat untuk menguruskan pembayaran zakat syarikat pada masa hadapan.
- S10: Saya sangat bersedia dalam menguruskan pembayaran zakat syarikat ini.
- S11: Saya sentiasa sedia untuk menguruskan pembayaran zakat oleh syarikat.
- S12: Saya sentiasa bersedia menguruskan pembayaran zakat dan sedar amanah yang saya pikul.
- S13: Selaku orang yang diberi tanggungjawab saya bersedia setiap masa untuk syarikat menunaikan kewajipan berzakat bagi memenuhi amanah pemegang saham dan harapan kakitangan yang bekerja di sini untuk melihat syarikat ini membayar zakat.
- S14: Syarikat hanya bersedia membayar zakat apabila mencapai tahap yang ditetapkan iaitu keuntungan sebelum cukai dan kedudukan kewangan.

Namun begitu terdapat 1 syarikat mempunyai pandangan yang berbeza di mana dia tidak bersedia dan dia melaksanakan sebagaimana keputusan Ahli Lembaga Pengarah. Kajian ini menghargai perbezaan ini kerana beliau mewakili kelompok yang berpandangan sebaliknya. Ini juga memberikan maklumat tambahan kepada kajian ini bahawa pembayaran zakat adalah keputusan banyak pihak dan memang wujud pelbagai pandangan di dalam pelaksanaannya. Perbezaan pendapat adalah sesuatu yang lazim dalam pelaksanaan satu-satu ketetapan hukum. (Khalida Majid, 2015).

RUMUSAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati tahap penerimaan terhadap kewajipan membayar zakat oleh syarikat tidak 100% walaupun syarikat tersebut telah membayar zakat. Ini bererti isu status kewajipan ini masih belum diterima sepenuhnya oleh masyarakat. Kajian ini merumuskan bahawa faktor yang mendorong pembayaran adalah rangkuman dari tiga sinergi utama iaitu gerak kerja oleh institusi zakat terutama perkhidmatan yang baik, program agihan yang dilakukan dan pelaksanaan urustadbir yang baik. Gerak kerja institusi zakat sahaja tidak memadai di mana pihak kerajaan perlu memainkan peranan terutama dalam aspek memberikan insentif cukai, galakan pembayaran zakat oleh para regulator seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa

Malaysia juga penguatkuasaan undang-undang. Namun begitu natijah daripada kedua faktor luaran syarikat, faktor dalaman syarikat didapati memainkan peranan yang paling dominan. Faktor dalaman ini termasuk ALP menganggap pembayaran zakat adalah selari dengan penubuhan syarikat iaitu untuk membangunkan sosio ekonomi masyarakat dan membasmi kemiskinan; ALP jelas terhadap tanggungjawab dan amanah yang sepatutnya ditunaikan; ALP menganggap pembayaran zakat adalah bagi memenuhi amanah kepada pemegang saham muslim dan memenuhi tanggungjawab sosial syarikat; ALP berhasrat berkongsi keuntungan bersama masyarakat; membersihkan harta syarikat dari perkara yang haram; atau syarikat berhasrat untuk menjadi syarikat 100% patuh syariah; selain menjuarai seruan yang baik untuk membayar zakat. Persepsi bahawa pembayaran zakat dapat meningkatkan imej syarikat juga menjadi faktor dorongan selain pembayaran zakat telah menjadi polisi syarikat. Faktor lain adalah bilangan komposisi Muslim di dalam syarikat dan juga prestasi kewangan syarikat.

IMPLIKASI DASAR

Hasil daripada dapatan kajian, Institusi zakat perlu merangka satu gerak kerja khusus bagi segmen PLC kerana hasil kajian mendapati gerak kerja institusi terutama dakwah dan perkhidmatan dapat mendorong syarikat untuk membayar zakat. Gerak kerja ini merangkumi satu pelan (blue print) dalam bentuk strategi yang mengariskan langkah demi langkah supaya satu demi satu PLC akhirnya dapat dijinakkan dan seterusnya membayar zakat.

Institusi zakat dicadangkan untuk menjadikan para pembuat keputusan terutama ALP syarikat sebagai kumpulan sasaran yang perlu didekati secara khusus dengan memberikan pelbagai maklumat mengenai kewajipan membayar zakat, pelaksanaan urus tadbir yang diimplimentasikan oleh institusi zakat dan program agihan yang dilaksanakan supaya mereka yakin kepada institusi zakat. Merujuk kepada Teori Gelagat Terancang, gelagat seseorang itu adalah dipengaruhi oleh tiga elemen iaitu gelagat kepercayaan, norma kepercayaan dan kawalan kepercayaan (Icek Ajzen, 2005). Faktor yang menentukan kepercayaan ini adalah pelbagai faktor latar belakang termasuk ilmu, pengalaman dan pendedahan media. Jika institusi zakat berjaya memastikan mesej zakat sampai kepada elemen ini, kepercayaan seseorang itu boleh berubah dan kecenderungan membayar zakat dapat direalisasikan.

Hasil kajian mendapati, terdapat golongan yang berpegang kepada prinsip pembayaran zakat hanya dikenakan ke atas individu dan tidak ke atas syarikat. Oleh itu satu fatwa khusus

mengenai perkara ini diperlukan bagi menjelaskan kekeliruan ini. Fatwa ini perlulah diperingkat fatwa Kebangsaan dan disokong oleh fatwa neger-negeri.

Institusi Zakat perlu bijak mengatur strategi memposisikan peranan institusi zakat supaya pihak kerajaan khususnya dapat melihat institusi zakat adalah bersatu, melaksanakan tugas dengan cemerlang dan mempunyai satu gerak kerja yang menyeluruh (Grand Design) dalam usaha meningkatkan tahap kualiti hidup rakyat. Suara besar ini amat diperlukan supaya pihak kerajaan akan berpihak kepada institusi zakat dalam membangunkan apa-apa dasar dan polisi negara sama ada dari aspek dasar fiskal (fiscal policy), dasar kewangan (monetary policy) atau lain-lain dasar.

PENUTUP

Kajian yang dijalankan ini telah berjaya memberikan sumbangan ilmu dan maklumat dalam konteks mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mendorong pembuat keputusan di dalam sesebuah syarikat atau entiti perniagaan untuk menunaikan zakat. Adalah menjadi harapan supaya kajian ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada penerokaan dan pengkayaan ilmu, tetapi apa yang lebih diharapkan dapatan kajian ini boleh dikongsikan dan diterjemahkan dalam bentuk aplikasi gerak kerja oleh mana-mana pihak. Kejayaan sebenar kajian ini adalah ia dapat diaplikasikan supaya natijah memperkasa ummah dapat direalisasikan.

RUJUKAN

- A. Halim M. Noor, M. Saladin A. Rasool, Rashidah A. Rahman & Rozman M. Yusof (2012). Assessing Performance of Nonprofit Organization: A Framework for Zakat Institutions, *British Journal of Economics, Finance and Management Sciences*, 5(1), 12 – 22.
- A. Shahir Makhtar, Shofian Ahmad, M. Noor M. Zain & Zaini Nasohah (2016). Transformasi Pengurusan Zakat Dan Model Pelaksanaannya Di Malaysia (Kertas Kerja, Persidangan Antarabangsa Perundangan Islam, 29 Oktober 2016, Krabi Front Bay Resort, Krabi, Thailand).
- A. Radzuan Ghazali (2009). Kesan Tahap Keagamaan Dan Akauntabiliti Peribadi Terhadap Niat Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Kontraktor Perniagaan Tunggal Pulau Pinang, (Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia).
- Ajzen, Icek (2005), *Attitudes, Personality and Behavior ed ke 2* (New York: McGraw-Hill International).
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & M. Ali M. Noor (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia, *Islamiyyat* 2 (2007).
- Halizah M. Arif, Kasumalinda Alwi & Agoos M. Tahir (2011). Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies. (Kertas Kerja, 2nd International

- Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER) Langkawi, 13-14 Mac 2011).
- Higgins. E. Tory (2000). Does Personality Provide Unique Explanations for Behaviour? Personality as Cross-Person Variability in General Principles, *European Journal of Personality*, 14, 391.
- Johnson, Burke & Christensen, Larry (2008). *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches*, USA: Sage Publication Inc..
- Kamil Md. Idris (2002). Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah, (Tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia).
- Kamil Md Idris (2009). *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian* (Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia).
- Khalida Majid (2015). Ikhtilaf and Unity in Muslim Ummah: A Comparative Analysis, *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 4(3), 10-16.
- M. Ali M. Nor, Hairunnizam Wahid & N. Ghani M. Nor (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, *Islamiyyat*, 26(2).
- M. Rahim Kamis, Ariffin M. Salleh & A. Samad Nawawi (2011). Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition, (Kertas Kerja, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Doha Qatar, 19-21 Disember 2011).
- M. Rizuan A. Kadir, Zulkifli Z. Abidin, Juliana A. Ramli, K. Nizam Surbaini & A. Aziz Abdullah (2014). Factors Influencing a Business Towards Zakat Payment in Malaysia, *International Journal of Science Commerce and Humanities*, 2(3), 147-156.
- M.A. Manan (1983). *Islamic Economics: Theory and Practice* (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Publications).
- Mohammad b. Yusof (2006). Fiscal Policy in an Islamic Economy and the Role of Zakat, *IJUM Journal of Economics* 14(2), 117-145.
- N. Adilah A. Shokori (2011). *Kepatuhan Terhadap Zakat Perniagaan: Kajian Di Kalangan Pengusaha Stesen Minyak Di Pulau Pinang*, (Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia).
- R.A. Jaffri Saad, Kamil Md. Idris & Zainol Bidin (2009). *Peranan Sikap, Moral, Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan*, (Kertas Kerja, International Conference on Corporate Law (ICCL), 1-3 Jun 2009).
- R.A. Jaffri Saad, Kamil Idris & Zainal Bidin (2009). Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan, *Jurnal Syariah* 17(3), 607-630.
- R.A. Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & M. Hairi M. Hussain (2010). Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan”, *Jurnal Pengurusan*, 30, 49-61.
- Senep Ahmad, N. Ghani M. Nor & Zulkifli Daud (2011). Tax-Based Modeling of Zakat Compliance, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 45, 101-108.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 53-69.

Sanep Ahmad & Zulkifli (2010). Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori, (Prosiding Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi), 501-516.

Shahiszan Ismail, Jumaelya Jogeran & A. Halim M. Noor (2012). Determinant Factors of Paying Zakat on Employment Income By Government Servants In Malaysia, (Kertas Kerja, International Conference on Islamic Economy and Business, 29 Jun-1 Julai 2012). Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Shariah 2016* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia).

Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh az-Zakah* Jilid 1 (Beirut: Muassasat Ar-Risalah, 1977).

Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & Faridahwati M. Shamsudin (2009). Predicting Compliance Intention on Zakah on Employment Income in Malaysia: An Application of Reasoned Action Theory, *Jurnal Pengurusan*, 28, 85-102.

Zulkifli & Sanep Ahmad (2010). Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori” (Kertas Kerja, Seminar Seventh International Conference: The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi).

LAMPIRAN A

SENARAI TEMU BUAL PRAUJIAN DAN RESPONDEN

1. Ketua Pegawai Kewangan, Progressive Impact Corporations pada 5 Mei 2015.
2. Ketua Pegawai Syariah Bank Islam Malaysia Berhad pada 8 Mei 2015.
3. Ketua Pegawai Kewangan, TH Plantation Bhd pada 4 Jun 2015.
4. Ketua Pegawai Kewangan, Felda Global Ventures Berhad, pada 9 Jun 2015.
5. Timbalan Pengurus Besar Kewangan, Pharmaniaga Berhad pada 11 Jun 2015.
6. Pengurus (Bahagian Cukai), Tenaga Nasional Berhad pada 24 Jun 2015.
7. Ahli Lembaga Panel Syariah, Takaful Malaysia Berhad pada 26 Jun 2015.
8. Pengarah Eksekutif, Perkhidmatan Kewangan Kumpulan UMW Holdings Berhad pada 26 Jun 2015.
9. Ketua Kawasan Strategik dan Pengurusan Produk BIMB Holdings Berhad pada 23 Jun 2015.
10. Pengurus Kanan Kewangan, MMC Corporation Berhad pada 24 Jun 2015.
11. Penolong Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbiran, Merge Energy Berhad pada 2 Julai 2015.
12. Eksekutif Kanan Kewangan, MSM Holdings Berhad pada 1 Julai 2015.
13. Akauntan (Kewangan), MSM Malaysia Holdings Berhad pada 1 Julai 2015.
14. Pengurus Kewangan, UEM Edgenta Berhad (Faber Group Berhad) pada 1 Julai 2015.
15. Ketua Pegawai Kewangan, UEM Edgenta Berhad (Faber Group Berhad) pada 1 Julai 2015.
16. Pengurus Kanan Kewangan, Telekom Malaysia Berhad pada 8 Julai 2015.
17. Pengurus Kewangan, Telekom Malaysia Berhad pada 8 Julai 2015.
18. Ketua Kumpulan Modal Insan (Head Group Human Capital), NCB Holdings Berhad pada 9 Julai 2015.
19. Pengurus Kanan Kewangan, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad pada 8 Julai 2015
20. Pengurus Kewangan, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad pada 8 Julai 2015.

LAMPIRAN B

Senarai PLC Yang Menjadi Subjek Kajian

Sektor	Syarikat	
Barangan Pengguna	1.	MSM Malaysia Holdings Bhd
Barangan Industri	2.	UMW Holdings Bhd
Permbinaan	3.	Merge Energy Bhd
	4.	Axiata Group Bhd
	5.	UEM Edgenta Berhad (Faber Group Bhd)
	6.	KPJ Healthcare Bhd
Dagangan/ Perkhidmatan	7.	MMC Corporation Bhd
	8.	NCB Holdings Bhd
	9.	Pharmaniaga Bhd
	10.	Telekom Malaysia Bhd
	11.	Tenaga Nasional Bhd
	12.	Utusan Melayu (M) Bhd
Perladangan	13.	Felda Global Ventures Holdings Bhd
	14.	TH Plantations Bhd
Teknologi	15.	Mesiniaga Bhd
Kewangan	16.	BIMB Holdings Bhd
	17.	Sykt Takaful Malaysia Bhd